

**IWM terap kesederhanaan – Najib  
Utusan Online  
09 Mac, 2013  
Oleh FAIZAH IZZANI ZAKAR**

KUALA LUMPUR 8 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) memainkan peranan penting dalam memastikan masyarakat faham erti sebenar konsep wasatiyyah atau kesederhanaan dalam segala hal.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri yakin usaha yang dilaksanakan kerajaan melalui kewujudan institut itu akan memberi manfaat bukan sahaja kepada umat Islam tetapi juga kepada yang bukan beragama Islam.

"Konsep wasatiyyah bukan sesuatu yang ada hak cipta atau paten, tetapi dari segi penghayatan aplikasinya, barangkali Malaysia boleh menjadi negara terkemuka mempraktikkan konsep wasatiyyah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Institut Wasatiyyah Malaysia di sini malam ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon dan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Abdullah Md. Zin.

Najib berkata, konsep wasatiyyah sebenarnya telah diaplikasi sejak Malaysia wujud apabila dasar yang digariskan oleh pemimpin negara terdahulu adalah berdasarkan keseimbangan dan kesederhanaan.

Dalam pada itu katanya, imej Malaysia juga harum di persada antarabangsa apabila Malaysia menampakkan kepada dunia sebagai negara yang mengamalkan dasar yang tidak keterlaluan.

Malah katanya, imej Malaysia itu berjaya memberi keyakinan kepada pihak luar untuk menjadikan negara sebagai orang tengah bagi proses perdamaian antara dua pihak bertelagah.

"Dengan menggunakan konsep wasatiyyah, kita boleh menyumbang kepada negara sebab itu pengertiannya perlu diterap meskipun kita tidak berdepan dengan masalah rumit.

"Tetapi timbul salah faham, fahaman ekstrem dalam kalangan kita maka kefahaman konsep wasatiyyah ini amat kena pada masanya," katanya.

Beliau yakin, institut yang ditubuhkan itu akan dapat menyampaikan mesej sehingga ke akar umbi dalam masyarakat mengenai konsep kesederhanaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130309/dn\\_08/IWM--terap-kesederhanaan---Najib](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130309/dn_08/IWM--terap-kesederhanaan---Najib)

